

E2 WAVES

The Official Newsletter of PKE UiTM CPP



الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



TOP NEWS



TEAM BUILDING PKE 2024

Hampa Memang Sempoi...

➤➤➤ [READ MORE](#)

SINERGI MOBILITI PENYELIDIKAN EMJ-APCO

➤➤➤ [READ MORE](#)




EDITORIAL BOARD:

Norsabrina Sihab, Asmalia Zanal, Faridah Abdul Razak, Wan Salha Saidon,
Ir. Ts. Abdul Malek Saidina Omar, Ts. Anith Nuraini Abd Rashid, Dr. Rosfariza Radzali,
Ir. Dr. Intan Rahayu Ibrahim, Ts. Dr. Saiful Zaimy Yahaya

PROGRAM MY PA MY MENTOR

PENGAJIAN KEJ. ELEKTRIK

Oleh: Saiful Zaimy Yahaya dan Intan Rahayu Ibrahim



PROGRAM SETIAP SEMESTER

Pada 13 Mei 2024 yang lalu, Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Elektrik (PMKE) dibawah pengarah program Saudari Nur Huda Qistina serta penasihat program Ir. Dr. Mohd Firdaus Abdullah dan Dr. Saodah Omar telah berjaya menganjurkan Program My PA My Mentor yang telah diadakan di Dewan Besar UiTM Cawangan Pulau Pinang. Program ini telah berjaya mengumpulkan penasihat akademik (PA) bersama pelajar-pelajar dibawah seliaan masing-masing bagi keseluruhan program ijazah dan diploma Pengajian Kejuruteraan Elektrik. Program ini adalah yang ke empat dan diadakan setiap semester sejak julung kalinya diadakan pada 6 Januari 2023. Tujuannya adalah untuk mengeratkan hubungan antara PA dan pelajar supaya peranan PA dapat dioptimalkan terutamanya dalam peningkatan pencapaian akademik pelajar. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Prof. Madya Ir. Dr. Nor Azlan Othman iaitu Ketua Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik UiTM Cawangan Pulau Pinang.

PENGISIAN PROGRAM

Setelah itu diadakan tayangan video pengenalan kepada PMKE. Acara kemudiaannya diteruskan dengan slot bersama kaunselor dimana penerangan tertumpu kepada oengurusan psikologi.

Pelbagai aktiviti menarik dijalankan, yang bukan sahaja menghiburkan tetapi juga memperkukuhkan hubungan antara pelajar dan PA masing-masing. Antara aktiviti yang akan dijalankan adalah sesi teka-teki yang agak menguji minda dan kreativiti, serta pertandingan menganyam ketupat

Bagi memeriahkan lagi suasana, hadiah menarik turut disediakan untuk para pemenang!, seterusnya acara diteruskan dengan jamuan hari raya. sememangnya berlangsung dengan jayanya, dan meninggalkan kenangan manis dan memberi impak positif kepada semua yang terlibat. Semoga program seperti ini dapat diteruskan di masa akan datang.



E2 WAVES

The Official Newsletter of PKE UiTM CPP



Official Website & Social Media:


Pengajian Kejuruteraan Elektrik

DIPLOMA EE UiTM



UiTM CAWANGAN PULAU PINANG - PENGAJIAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

ISSN 2289 - 9480



9 772289 948007

PUBLISHED BY:
UNIT PENERBITAN PKE
ELECTRICAL ENGINEERING STUDIES
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS PERMATANG PAUH
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG